

Abdullah sampai cenderunghati pencadangan nama bendera UMNO

KUALA LUMPUR 22 Feb. - Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini menyampaikan cenderunghati kepada lima peserta peringkat akhir Pertandingan Menamakan Bendera UMNO yang diadakan Mei lalu, sempena ulang tahun parti itu yang ke-60.

Mereka ialah Pengerusi Majlis Veteran UMNO, Datuk Tajudin Ali; anak Ahli Parlimen Jasin, Nur Adhawiah Mohd. Said; Allahyarham Norizan Ismail dari Kuala

Lumpur, Ahmad Razif A. Aziz (Negeri Sembilan) dan Mohd. Yusof Yaakob (Perak).

Majlis ringkas yang turut dihadiri oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak diadakan di lobi Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sejurus sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

Nama bendera yang terpilih ialah 'Sang Saka Bangsa' yang merupakan gabungan daripada semua nama yang dicadangkan oleh

lima peserta terbabit iaitu Sang Saka Melayu Perkasa, Sang Saka Melayu, Sang Saka Keris, Panji Perkasa dan Panji Warisan.

Bendera UMNO yang mula diperkenalkan ketika persidangan kedua Majlis Agung UMNO di Dewan Bandaran, Ipoh di Perak pada 29 Jun 1946, menyaksikan banyak peristiwa suka duka sejarah perjuangan bangsa.

Pertandingan yang bertujuan mengukuhkan semangat kecintaan ahli kepada parti adalah anjuran Pergerakan Pemuda

UMNO dan pemilihan dibuat oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada veteran UMNO, pakar sejarah dan bahasa termasuk Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Dr. Firdaus Abdullah.

Pengertian nama bendera itu ialah 'Sang' merupakan gelaran yang bersopan manakala 'Saka' bermaksud peninggalan sesuatu keturunan Melayu yang berkaitan dengan semangat dan 'Bangsa' membawa erti orang Melayu yang menjadi bangsa berdaulat.

RM - 23/2/2007